



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FACULTY OF INFORMATION MANAGEMENT
BACHELOR IN SCIENCE (HONS) RECORDS MANAGEMENT
(IM 226)

IMR 603: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA MEJAR MOHD JAMIAN BIN
MOHADI (B) MENGENAI PERISTIWA OPS BELOM DALAM
PERTEMPURAN DENGAN KOMUNIS DI SUNGAI KARAK BENTONG,
PAHANG PADATAHUN 1975**

DISEDIAKAN OLEH:

NURAZLIN BINTI AHMAD	2011270642
NURANISZAIEKA BINTI SAMSI	2011209998

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

PUAN AZURA BINTI KAMARUDZZAMAN

SEMESTER 05

(SEPT 2012- JAN 2013)

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGHARGAAN	1-2
2.0 ABSTRAK	3
3.0 PENGENALAN	4-14
4.0 TRANSKRIP WAWANCARA	
Kaset 1: Bahagian A	15-31
Kaset 1: Bahagian B	32-40
Kaset 2: Bahagian A	41-55
Kaset 2: Bahagian B	56-71
Kaset 3: Bahagian A	72-75
5.0 LOG WAWANCARA	76-85
6.0 BIODATA TOKOH	86
7.0 SENARAI SOALAN	87-94
8.0 RUJUKAN	95
9.0 LAMPIRAN.....	96-109
10.0 SURAT PERJANJIAN	110-112
11.0 INDEKS.....	113-116

1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T


Segala pujian bagi Allah, Tuhan yang mentadbir serta memelihara sekian alam. Dengan limpah kurnia-Nya, kami telah diberi kesempatan untuk menyempurnakan tugas ini walaupun pelbagai dugaan dan cabaran dihadapi sepanjang melengkapkan siri transkrip temubual ini. Sesungguhnya, tugas ini benar-benar menguji kami dengan realiti persekitaran sebenar dalam memperolehi maklumat mengenai seorang tokoh yang dianggap telah memberi sumbangan terhadap negara melalui pengalaman beliau sepanjang perjalanan hidup beliau. Walau bagaimanapun, kami hadapi semua ini dengan tabah dan sebagai pegetahuan baru untuk kami dalam menimba ilmu.

Dengan itu, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Encik Mohd Jamian Bin Mohadi di atas kesudian beliau untuk ditemuramah oleh kami. Kerjasama yang beliau berikan sangat kami hargai. Walaupun sibuk, tetapi beliau masih sudi meluangkan masa untuk ditemuramah bersama kami. Kerjasama yang beliau berikan adalah sangat baik dan kami tidak menghadapi sebarang masalah ketika menemuramah beliau. Tanpa kesudian Encik Mohd Jamian Bin Mohadi, kami tidak dapat menyiapkan projek ini dalam masa yang ditetapkan.


Jutaan ucapan terima kasih juga kami dedikasikan untuk pensyarah kami yang mengajar subjek ini iaitu Puan Azura Binti Kamarudzzaman kerana telah banyak memberikan bantuan serta tunjuk ajar sepanjang projek kami ini. Tanpa bantuan Puan Azura Binti Kamarudzzaman, kemungkinan besar kami tidak dapat memenuhi kehendak projek ini dan tidak tahu bagaimana untuk menyiapkan projek ini dengan cara yang betul.

Sekalung terima kasih buat semua teman seperjuangan yang telah sama-sama berkongsi idea, pengalaman dan membantu kami ketika menyiapkan tugas ini secara langsung ataupun tidak langsung. Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat keluarga kami yang tidak jemu-jemu memberikan dorongan dan sokongan sama ada dalam bentuk tenaga mahupun wang ringgit bagi membantu kami dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Segala jasa semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini akan kami kenang dan semat di dalam hati kami buat selamanya.

Sekian, terima kasih. Yang benar,

A handwritten signature in black ink, featuring a large, stylized 'N' and 'A' followed by several loops and a horizontal stroke at the end.

NURAZLIN BINTI AHMAD

A handwritten signature in black ink, featuring a large, stylized 'N' and 'S' followed by several loops and a horizontal stroke at the end.

NURANISZAIIEKA BINTI SAMSI

2.0 ABSTRAK

Abstrak: *Keamanan yang kita kecapai sekarang adalah hasil daripada perjuangan dan pengorbanan perajurit-perajurit semasa mempertahankan Negara dari ancaman pengganas komunis. Perang dunia kedua dan pendudukan Jepun di tanah Melayu mulai 8 Disember 1941 telah memberi peluang kepada Parti Komunis Malaya untuk melancarkan pemberontakan. Pemberontakan yang dilakukan amat merunsingkan pihak kerajaan. Komunis telah melakukan kekejaman terhadap penduduk yang tidak bersalah. Rakyat berasa amat takut dan terancam di sebabkan tindakan pihak komunis ini. Namun percubaan komunis untuk menguasai Malaya pada masa itu telah digagalkan oleh pihak berkuasa. Pasukan polis dan tentera memainkan peranan utama untuk memerangi komunis di seluruh pelusuk tanah air sama ada di belantara di desa dan di Bandar-bandar. Dengan tindakan ketenteraan yang berkesan pasukan keselamatan telah Berjaya membunuh gerila-gerila komunis di hutan dan ramai juga yang tertangkap atau menyerah diri akibat tidak tertahaan oleh tekanan pasukan keselamatan. Peristiwa pertempuran tokoh yang di pilihb dengan pengganas komunis di Bentong, Pahang telah menunjukkan semangat yang ada pada pasukan tentera dalam menjaga tanahair yang tercinta daripada ancaman pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini.*

Kata kunci : Komunis, PKM (Parti Komunis Malaya), Malaya, Perisikan, Tunku Abdul Rahman